



CIAST

DASAR KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN

PUSAT LATIHAN PENGAJAR DAN KEMAHIRAN LANJUTAN (CIAST) bertanggungjawab penuh dalam memastikan keselamatan dan kesihatan semua kakitangan dan pelajar-pelajarnya. Dalam memenuhi kehendak ini serta bertujuan untuk meningkatkan kualiti pengurusan pusat latihan, kami akan berusaha dan berjanji, mematuhi segala peraturan yang berkaitan dengan **AKTA KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN 1994 (AKTA 514)** serta lain-lain peraturan yang berkaitan. Bagi memenuhi kehendak ini, kami akan;

1. Memastikan semua kakitangan, pelajar dan peserta kursus diberi latihan yang secukupnya, merangkumi standard keselamatan dan peraturan yang diperlukan, sebelum mereka diberi tanggungjawab untuk mengendalikan mesin, peralatan tangan atau apa-apa jua tugas yang berkaitan.
2. Menyedia dan menyelenggara tempat kerja, tempat penginapan serta persekitaran kerja yang selamat dan sihat.
3. Memastikan semua bahan, peralatan dan mesin selamat digunakan.
4. Berusaha menghapuskan semua keadaan yang dianggap berbahaya.
5. Memastikan setiap kakitangan, pelajar dan peserta kursus mematuhi prosedur dan peraturan keselamatan dan kesihatan pekerjaan pusat latihan pada setiap masa.
6. Memastikan pembekal perkhidmatan mematuhi aspek-aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan yang berkaitan dengan tugas masing-masing.

Oleh yang demikian, bagi melaksanakan langkah-langkah pencegahan kemalangan, aspek keselamatan dan kesihatan akan diberi keutamaan pada setiap masa dan semasa aktiviti kerja.

Dengan ini, Pusat Latihan Pengajar dan Kemahiran Lanjutan akan memastikan setiap kakitangan, pelajar dan peserta kursus memahami serta mematuhi Dasar Keselamatan dan Kesihatan tanpa memansuhkan dasar-dasar yang lain.

1 FEBRUARI 2018

.....
(DR. MOHAMAD BIN SULAIMAN K.M.N.)

Pengarah

Pusat Latihan Pengajar dan Kemahiran Lanjutan,
Shah Alam Selangor